



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



PENCERAIAN DALAM ISLAM: KONSEP, BENTUK DAN INTERVENSI PENCEGAHAN

DIVORCE IN ISLAM: CONCEPTS, FORMS, AND PREVENTIVE INTERVENTIONS

Nik Rosila Nik Yaacob¹, Nor Shafrin Ahmad^{1*}, Afrina Athirah Abd. Aziz¹, Asmar Ahmad², Nurul Najihah Mohamed Shukri²

¹ Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

Email: nikrusia@usm.my; sham@usm.my; afrina.athirah9@gmail.com

² Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat

Email: asmar@lppkn.gov.my; nurul.najihah@lppkn.gov.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.10.2025

Revised date: 23.11.2025

Accepted date: 02.12.2025

Published date: 08.12.2025

To cite this document:

Nik Yaacob, N. R., Ahmad, N. S., Abd. Aziz, A. A., Ahmad, A., & Shukri, N. N. M. (2025). Penceraian Dalam Islam: Konsep, Bentuk Dan Intervensi Pencegahan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (61), 748-763.

DOI: 10.35631/IJEPC.1061052

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Artikel ini bertujuan meneroka konsep dan bentuk penceraian dalam Islam serta kaedah pencegahan yang digariskan oleh al-Quran dan al-Sunnah. Peningkatan kes penceraian dalam masyarakat Muslim Malaysia menunjukkan wujudnya keperluan mendesak untuk memahami mekanisme syariah yang bertujuan meminimumkan konflik rumah tangga dan menjaga keharmonian keluarga. Walaupun penceraian dibenarkan dalam Islam, ia merupakan jalan terakhir setelah usaha perdamaian gagal. Artikel ini menggunakan metodologi kualitatif melalui analisis dokumen, merangkumi kajian kitab-kitab fiqh, undang-undang keluarga Islam di Malaysia, serta teks-teks tafsir dan hadis berkaitan. Dapatan kajian mengenal pasti enam bentuk penceraian menurut fiqh dan undang-undang, iaitu talaq (raj'i dan ba'in), taklik, fasakh, khulū' (tebus talaq), li'ān dan pengesahan lafaz cerai di luar Mahkamah. Selain itu, Islam menekankan langkah pencegahan seperti komunikasi berkesan, tanggungjawab bersama, penghargaan terhadap pasangan, nafkah zahir dan batin, nasihat berhemah, pisah ranjang sementara, serta pelantikan orang tengah. Pendekatan ini bukan sahaja mengurangkan konflik tetapi juga memelihara keharmonian rumah tangga selaras dengan objektif syariah dalam menjaga institusi keluarga.

Kata Kunci:

Fiqh dan Undang-Undang, Penceraian Dalam Islam, Intervensi Penceraian

Abstract:

This article aims to explore the concept and forms of divorce in Islam, as well as the preventive measures prescribed in the Qur'an and the Sunnah. The rising divorce rates among Malaysian Muslims highlight the urgent need to understand the Shariah mechanisms designed to minimise marital conflict and preserve family harmony. Although divorce is permissible in Islam, it is considered a last resort when reconciliation efforts have failed. This study employs a qualitative document analysis methodology, drawing upon classical fiqh sources, Malaysian Islamic family law, and relevant tafsir and hadith texts. The findings identify six forms of divorce recognised in Islamic jurisprudence and legal practice: talaq (raj'i and ba'in), taklik, fasakh, khulū' (redemptive divorce), li'ān, and judicial confirmation of extrajudicial pronouncements. Islam also emphasises preventive measures such as effective communication, shared responsibility, mutual appreciation, provision of financial and emotional support, prudent advice, temporary separation, and the appointment of mediators. These approaches not only reduce conflict but also help safeguard marital harmony in line with the Shariah objective of protecting the family institution.

Keywords:

Fiqh and Islamic Law, Islamic Divorce, Divorce Intervention

Pengenalan

Allah SWT mensyariatkan perkahwinan sebagai panduan kepada manusia dalam memenuhi kehendak semula jadi manusia dan berfungsi sebagai benteng kepada maksiat. Nikmat perkahwinan dapat dirasai oleh pasangan yang benar-benar menghayati dan memahami tujuan perkahwinan berpaksikan ajaran Islam yang benar. Dalam Islam, setiap pasangan yang ingin berkahwin perlulah mengetahui akan syarat-syarat, rukun-rukun dan hal-hal berkaitan dengan perkahwinan agar ikatan perkahwinan yang dibina sah di sisi Syarak dan undang-undang. Tujuan utama perkahwinan dalam Islam adalah bagi membentuk sebuah keluarga yang tenang dan bahagia serta mewujudkan sebuah Masyarakat yang harmoni. Perkahwinan juga merupakan suatu bentuk ibadah hamba kepada Pencipta-Nya dan bukti tanda kebesaran-Nya, sepertimana terkandung dalam al-Quran yang bermaksud; “Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untuk mu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamumerasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya diantaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir” (Surah Rum, 30:21).

Selain itu, Nabi Muhammad S.A.W sangat menggalakkan pemuda-pemuda yang mempunyai kemampuan agar berkahwin supaya dapat mengawal pandangan, mencegah perbuatan keji dan mungkar. Manakala bagi mereka yang tidak mampu, Rasulullah SAW menggalakkan agar mereka berpuasa sebagai salah satu cara untuk mengawal nafsu. Sabda Rasulullah S.A.W, yang bermaksud; “Wahai para pemuda! Sesiapa di antara kamu telah mampu (pembayaran) berkahwin, maka bernikah lah. Kerana nikah itu dapat menundukkan mata dan memelihara faraj (kelamin). Dan sesiapa yang belum mampu, maka hendaklah berpuasa kerana puasaitu dapat menjadi perisai baginya (dalam membendung syahwat)”. (Riwayat al-Bukhari No. 5065 dan Muslim No. 3466). Pasangan yang berjaya mengemudikan bahtera perkahwinan dengan berlandaskan prinsip keluarga Islam berkecenderungan untuk mengecapi kebahagiaan hidup

berumah tangga. Sebaliknya, kesulitan dan permasalahan mungkin akan timbul sekiranya pasangan gagal memahami keperluan dalam berumah tangga seperti yang disarankan dalam Agama. Selain daripada mengamalkan akhlak-akhlak baik seperti sabar, tolak ansur, redha, berkomunikasi dengan kasih sayang, saling hormat-menghormati, pasangan juga perlu melunaskan hak-hak bagi suami, isteri serta anak-anak. Ketidakupayaan pasangan menghayati permasalahan dalam rumah tangga berkemungkinan besar akan membawa kepada berlakunya pembubaran perkahwinan atau penceraian (Muhammad Ali, 2020; Sudirman, 2018).

Objektif Kajian:

1. Menganalisis konsep dan bentuk-bentuk penceraian dalam Islam berdasarkan sumber fiqh, al-Quran, al-Sunnah dan kerangka undang-undang keluarga Islam di Malaysia.
2. Mengkaji faktor, implikasi dan kesan sosial serta psikologi penceraian melalui analisis literatur ilmiah dan sumber syariah.
3. Menghuraikan intervensi penceraian yang digariskan oleh al-Quran, al-Sunnah dan amalan institusi syariah sebagai asas pengukuhan keharmonian rumah tangga.

Tinjauan Literatur

Maksud Pembubaran Atau Penceraian

Penceraian ialah kejadian bercerai antara suami dan isteri iaitu dengan menamatkan hubungan perkahwinan sama ada dengan pilihan suami atau keputusan qadi (Jabatan Kehakiman Syariah Pahang, 2025). Kamus Dewan Edisi Keempat, cerai ialah berpisah; bukan lagi sebagai suami isteri; menggugurkan (menjatuhkan) talak. Manakala pembubaran perkahwinan ialah boleh dikategorikan kepada lima jenis iaitu Talaq, Ta'liq, Khulu', Fasakh dan Li'an (JAKIM, 2023). Kesemua jenis pembubaran ini mempunyai objektif yang sama iaitu penceraian.

Kesan Terhadap Anak - Anak dan Ahli Keluarga

Menurut D'Onofrio dan Emery (2019), kajian mereka menunjukkan bahawa penceraian meningkatkan risiko kanak-kanak dan remaja menghadapi isu penyesuaian diri, termasuk masalah akademik seperti prestasi yang rendah dan kemungkinan dibuang sekolah, serta isu tingkah laku seperti penggunaan bahan terlarang dan emosi yang cenderung kepada kemurungan. Anak-anak yang dibesarkan dalam keluarga yang bercerai cenderung mengadu tentang perasaan tidak selesa atau kebimbangan, terutamanya apabila menghadiri majlis formal seperti majlis graduasi atau perkahwinan yang memerlukan kehadiran kedua-dua ibu bapa (Laumann-Billings, 2000). Kanak-kanak juga akan mengalami kesan jangka panjang yang serius akibat penceraian ibu bapa.

Shanahan (2000) mendapati bahawa kanak-kanak yang dibesarkan oleh ibu bapa yang bercerai cenderung mengasingkan diri selepas penceraian berlaku. Mereka juga terpaksa matang lebih awal berbanding kanak-kanak lain kerana beban tekanan yang perlu dihadapi. Selain itu, mereka mungkin melalui fasa kedewasaan pra-matang, contohnya, terpaksa meninggalkan rumah pada usia muda atau menjaga adik-beradik sendiri. Penceraian juga berpotensi menyebabkan anak-anak kurang mempercayai hubungan interpersonal pada masa hadapan (Jacquet & Surra, 2001) dan kehilangan keyakinan terhadap institusi rumah tangga (Jennings et al., 1992). Penyelidikan yang dijalankan juga mendapati bahawa kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa yang bercerai atau berpisah berisiko mengalami kemurungan klinikal, kekacauan dalam keluarga, status sosioekonomi yang rendah, serta menghadapi kemungkinan kesan jangka panjang yang tinggi termasuk mengalami gangguan kemurungan major (Amato & Sobolewski, 2001).

Dari aspek kesihatan pula, kebanyakan mereka didapati lebih berisiko meninggal dunia akibat bunuh diri, penyakit berjangkit akut, penyakit pencernaan, penyakit parasit, penyakit berkaitan pernafasan, dan kecederaan serius. Bagi lelaki, kadar jangka hayat juga cenderung lebih rendah. Selain itu, mereka mempunyai risiko tinggi untuk menghidap kanser, serangan jantung, masalah jantung lain, rheumatoid arthritis dan osteoarthritis. Kanak-kanak ini juga berisiko mengalami arthritis kerana kekurangan tahap hormon oksitosin semasa mereka membesar (Nielsen et al., 2012).

Antara adik-beradik, penceraian ibu bapa kadangkala boleh mengeratkan hubungan sesama mereka. Hubungan adik-beradik dalam konteks ini berfungsi sebagai suatu bentuk perlindungan dan keselamatan daripada kesan negatif penceraian. Namun begitu, mereka sering mengalami kemurungan, kebimbangan (anxiety) dan kemarahan kerana terpaksa berdepan dengan cabaran pada usia muda, seperti perubahan cara hidup, perpindahan kediaman, pertukaran sekolah, serta keperluan menyesuaikan diri dengan adik-beradik tiri dan keluarga baharu (Riggio, 2001).

Kesan Terhadap Pasangan

Kesan penceraian cenderung lebih berisiko dan negatif terhadap wanita berbanding lelaki. Wanita yang bercerai akan mengalami konflik berkaitan penceraian yang lebih tinggi dan dijangka menjejaskan kesihatan mental mereka, walaupun faktor sosio-demografi dan ciri-ciri penceraian telah dikawal (Sander et al., 2020). Manakala untuk pasangan yang bercerai pula, majoriti akan melibatkan diri dalam aktiviti seksual yang berisiko, tinggal dalam kemiskinan dan akan menghadapi ketidakstabilan dalam keluarga sendiri (D'Onofrio & Emery, 2019). Selain itu, pasangan yang bercerai dijangka mengalami kemurungan, kebimbangan (anxiety), serta risiko pengambilan alkohol secara berlebihan. Ramalan ini telah dikawal dengan mengambil kira faktor-faktor seperti tahap pendidikan, umur ketika berkahwin, penceraian ibu bapa (sekiranya ada), sikap agresif semasa kanak-kanak dan neurotisisme, keadaan kesusahan kewangan semasa, kekurangan individu yang boleh dipercayai (confidante), serta kekerapan berhubung dengan rakan dan keluarga (Richards et al., 1997).

Field (2025) telah menjalankan satu ulasan naratif mengenai penyelidikan terdahulu berkaitan tekanan yang dialami selepas penceraian atau perpisahan. Terdapat pelbagai kesan negatif penceraian atau perpisahan, yang boleh dikategorikan kepada kesan jangka pendek, kesan emosi, kesan kognitif, kesan tingkah laku, dan kesan fizikal. Kesan jangka pendek yang dikesan termasuk konflik perhubungan antara bekas pasangan (Van Dijk et al., 2024) dan perubahan pendapatan (Leopold & Kalmijn, 2024). Kesan emosi pula melibatkan perasaan keseorangan (Sheftel et al., 2024), risiko bunuh diri (Edwards et al., 2024; Valladares-Garrido et al., 2023), dan kesukaran dalam penyesuaian emosi (Tran et al., 2024). Kesan kognitif pula meliputi prestasi memori yang rendah (Hanes & Clouston, 2024; Chandra et al., 2024). Dari segi tingkah laku, kesan yang dikenal pasti ialah pengintipan (stalking) (Kanemasa et al., 2024) dan penggunaan alkohol secara berlebihan (Ford & Burns, 2024). Akhir sekali, kesan fizikal termasuk masalah kesihatan (Pellon-Elexpuru et al., 2024) dan sindrom 'patah hati' (Field, 2023; Ahmed et al., 2024).

Kesan Terhadap Masyarakat

Penceraian menyebabkan kelemahan terhadap struktur keluarga yang sepatutnya menjadi tunjang sosial dalam sesebuah negara. Kadar penceraian yang tinggi akan menjejaskan kompetensi masa depan anak-anak serta membebankan negara dalam menanggung kos berkaitan isu sosial seperti penyalahgunaan dadah, jenayah termasuk rompakan dan samun,

serta gangguan emosi yang serius seperti kecenderungan membunuh diri (Anderson, 2014). Sekiranya sebahagian besar pendapatan negara perlu diperuntukkan kepada pembaikan aspek sosial generasi muda, kerajaan berisiko terbeban dengan peningkatan perbelanjaan subsidi kepada keluarga berkecuali, sekali gus memburukkan lagi situasi ekonomi negara (Fagan & Rector, 2000). Selain itu, masyarakat juga akan berasa kurang selamat untuk menjalani kehidupan seharian akibat peningkatan kadar jenayah. Data menunjukkan bahawa kadar penyertaan di pusat tahanan adalah 12 kali ganda lebih tinggi dalam kalangan individu daripada keluarga bercerai berbanding keluarga nuklear (Fagan & Rector, 2000). Tambahan pula, kadar penceraian yang tinggi turut mencerminkan peningkatan kadar rompakan, yang menandakan kawalan sosial semakin lemah dan menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah (Fagan & Rector, 2000).

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui kaedah analisis dokumen bagi meneliti konsep, bentuk dan kaedah pencegahan perceraian menurut Islam. Sumber data primer terdiri daripada ayat al-Quran, hadis, serta karya fiqh klasik dan kontemporari, manakala sumber data sekunder merangkumi enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Malaysia, tafsir, syarah hadis, artikel jurnal, laporan kajian, serta statistik perceraian. Proses pengumpulan data dilakukan melalui pemilihan teks berdasarkan kata kunci relevan, penyaringan kandungan mengikut tema, serta penilaian kesahihan sumber berdasarkan hierarki syariah. Data dianalisis menggunakan analisis kandungan tematik, melibatkan proses pengkodan dan pembentukan tema (Bogdan & Biklen, 2012). Pendekatan ini dipilih kerana sesuai untuk kajian hukum dan teks normatif, selain memastikan analisis yang komprehensif berdasarkan dokumen yang diteliti.

Dapatan Kajian

Bentuk - Bentuk Penceraian Dalam Islam

Penceraian atau *ṭalāq* dalam Bahasa Arab merujuk kepada melepaskan atau meleraikan ikatan. Dari segi istilah *ṭalāq* bermaksud meleraikan atau melepaskan hubungan pernikahan dengan lafaz *ṭalāq* atau lafaz yang serupa dengannya. Sebahagian daripada ulama' fiqh pula, memberikan definisi *ṭalāq* itu kepada sesuatu yang boleh membubarkan ikatan pernikahan sama ada ianya boleh terbuai secara serta merta atau di suatu masa yang akan datang dengan lafaz *ṭalāq* atau sewaktu dengannya (Wahbah al-Zuhaylī, 1985). Selain daripada lafaz *ṭalāq*, ada juga lafaz lain yang boleh dikira syarak sebagai lafaz yang boleh menyebabkan terbubarinya sesebuah pernikahan iaitu lafaz *al-firāq* yakni pisah dan lafaz *al-sarāh* yakni cerai (Muhammad Khātib al-Sharbīnī, 2009; Nur Fatin Nabilah & Afiqah Haris Liana, 2024).

Dalam dunia tanpa sempadan, kes-kes penceraian mudah untuk diakses terutama di media sosial. Kes-kes penceraian ini kadang kala berjaya diselamatkan setelah melalui proses perdamaian dan rundingan sama ada ia dilakukan dengan inisiatif pasangan itu sendiri ataupun dengan bantuan pihak mahkamah. Namun, bagi perkahwinan yang tidak menemui jalan penyelesaian terbaik setelah pelbagai usaha dibuat, Islam telah menyediakan solusi ataupun jalan keluar bagi menyelesaikan isu ini dengan berhemah iaitu melalui pembubaran perkahwinan atau penceraian (Nur Fatin Nabilah & Afiqah Haris Liana, 2024; Solihah & Mohd Norhusairi, 2023). Shabuddin et. al., (2016) mendapati banyak penceraian dalam kalangan pasangan berlaku seawal tempoh 1 hingga 5 tahun pertama perkahwinan. Jadual 1 menunjukkan bentuk-bentuk penceraian yang semakin meningkat dari tahun 2016 sehingga 2023.

Jadual 1: Statistik Kes Penceraian

Tahun	162 Tuntutan Fasakh (MRY)	151 Tuntutan atau Permohonan Penceraian (MRY)	151 Tuntutan atau Permohonan Penceraian (MTS)	152 Tuntutan Pengesahan Lafaz Cerai (MTS)	153 Tuntutan Pengesahan Cerai Taklik (MRY)
2016	0	0	0	0	0
2017	0	0	0	0	0
2018	0	0	0	0	0
2019	0	0	0	0	0
2020	0	0	0	0	0
2021	0	0	0	0	0
2022	0	0	0	0	0
2023	0	0	1	0	0
Jumlah	0	0	1	0	0

Source: Syariah Kedah Government 2023

Jadual 2: Statistik Kes Penceraian

Tahun	151 Tuntutan atau Permohonan Penceraian (MRS)	152 Tuntutan Pengesahan Lafaz Cerai (MRS)	153 Tuntutan Pengesahan Cerai Taklik	162 Tuntutan Fasakh (MRS)	152 Tuntutan Pengesahan Lafaz Cerai (MRY)
2016	130	138	10	19	0
2017	145	121	10	14	2
2018	152	133	11	2	0
2019	157	139	9	10	0
2020	137	114	7	3	0
2021	124	95	15	20	1
2022	185	110	73	52	1
2023	484	252	157	144	0
Jumlah	1514	1102	292	264	4

Source: Syariah Kedah Government 2023

Jadual 3: Statistik Kes Penceraian

Tahun	162 Tuntutan Fasakh (MTS)	153 Tuntutan Pengesahan Cerai Taklik (MTS)
2016	0	0
2017	3	0
2018	0	0
2019	1	0
2020	0	0
2021	2	0
2022	1	0
2023	0	0
Jumlah	7	0

Source: Syariah Kedah Government 2023

Bentuk-bentuk penceraian dalam Islam telah digariskan dan terkandung dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam disetiap negeri di Malaysia. Sebagai contoh, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor (EUUKIS) (2003), Bahagian V: Pembubaran Perkahwinan menyatakan beberapa bentuk penceraian antaranya; 1) Bercerai secara talaq: sama ada dengan persetujuan bersama atau dengan perintah mahkamah (bagi kes tanpa persetujuan bersama), 2) Penceraian secara ta'liq, 3) Penceraian secara fasakh, 4) Penceraian secara tebus talaq (khuluk), 5) Cerai secara li'an, dan 6) Pengesahan lafaz cerai di luar mahkamah.

Talaq

Penceraian secara talaq atau lebih dikenali penceraian bersama boleh dipohon melalui seksyen 47 (EUUKIS 2003) jika kedua-dua pihak iaitu suami dan isteri bersetuju bersama, setelah diteliti oleh Mahkamah dan ia mendapati perkahwinan itu tidak dapat dipulihkan maka Mahkamah akan menasihatkan suami supaya melafazkan satu talaq di hadapan Mahkamah. Jika ada satu pihak yang tidak bersetuju dengan penceraian tersebut mahkamah akan meneliti jika ada kemungkinan untuk memulihkan perkahwinan tersebut dengan melantik suatu jawatankuasa pendamai (JKP) terdiri daripada seorang Pegawai Agama sebagai pengerusi dan dua orang lain, seorang untuk bertindak bagi pihak suami dan seorang lagi bagi isteri, dan merujuk kes itu kepada jawatankuasa itu berdasarkan seksyen 47 (5) EUUKIS 2003. Dua orang lain akan diberi keutamaan oleh Mahkamah ialah ahli keluarga yang terdekat kepada suami & isteri yang mengetahui hal sebenar dalam perkahwinan mereka. (Seksyen 47 (6) EUUKIS 2003).

Talaq boleh dikategorikan kepada 2 jenis iaitu; talaq Raj'i dan talaq Ba'in. Kategori pertama iaitu talaq raj'i adalah apabila seorang suami menceraikan isterinya dan masih boleh merujuk semula tanpa perlu akad nikah kembali, dengan syarat isterinya masih berada dalam tempoh idah. Manakala talaq ba'in pula boleh dikategorikan kepada 2 jenis iaitu talaq ba'in sughra dan talaq ba'in kubra. Talaq ba'in sughra adalah talaq yang jatuh serta merta pada masa talaq dilafaz dan kesemua hak isteri terputus apabila talaq dijatuhkan. Sekiranya suami ingin kembali bersama dengan isterinya, maka suami tersebut perlu menikah isterinya semula dengan akad dan mas kahwin yang baru. Talaq ba'in kubra pula adalah talaq tiga yang dilafazkan oleh suami di mana semua perhubungan suami isteri terputus sebaik sahaja talaq dijatuhkan. Suami tidak boleh merujuk dengan isterinya, kecuali setelah bekas isterinya berkahwin dengan lelaki lain dan bercerai kemudiannya (Haszuraidah & Kamarul Azmi, 2022; Solihah & Mohd Norhusairi, 2023).

Taklik

Dalam Seksyen 50 EUUKIS 2003, proses penceraian taklik adalah satu lafaz perjanjian yang dibuat oleh suami selepas akad nikah mengikut Hukum Syarak dan/atau suami menceraikan isterinya secara bersyarat. Sah jatuh talaq apabila berlaku pelanggaran syarat oleh isteri atau suami. Di Malaysia cerai taklik ini adalah suatu bentuk penceraian yang biasa diamalkan. Selepas akad nikah seseorang suami dikehendaki melafazkan ucapan taklik dan menandatangani surat taklik di hadapan juru nikah. Contoh taklik dalam sijil nikah yang biasa digunakan ialah: "Saya (nama suami) dengan ini bertaklik bahawa apabila saya meninggalkan isteri saya (nama isteri) selama empat bulan qamariah berturut-turut atau lebih dengan sengaja atau paksaan"; atau "Jika saya atau wakil saya tidak memberikan nafkah kepada isteri saya selama empat bulan qamariah berturut-turut atau lebih sedangkan dia taat kepada saya"; atau "Jika saya menyebabkan mudarat terhadap tubuh badannya atau kehormatannya atau harta bendanya, atau menyebabkan penganiayaan atau sebarang dharar syarie dan kemudian dia

mengadu kepada Hakim Syarie dan jika sabit aduannya di sisi Hakim Syarie, dan dia memberikan kepada Hakim Syarie yang menerima RM1 bagi pihak saya, maka pada ketika itu tertalaqlah dia dengan talaq khulu'."

Seandainya pihak suami melanggar taklik berkenaan, pihak isteri boleh membuat tuntutan penceraian secara taklik bagi membolehkan perkahwinan itu dibubarkan oleh mahkamah. Namun begitu, pihak isteri perlu membuktikan kepada mahkamah bahawa suaminya telah melanggar taklik sijil nikah tersebut dengan pembuktian yang sewajarnya sama ada melalui dokumen-dokumen dan saksi-saksi yang perlu dikemukakan di mahkamah semasa perbicaraan.

Fasakh

Salah satu penceraian yang amat popular dalam kalangan wanita yang bergelar isteri di Malaysia iaitu pembubaran perkahwinan melalui fasakh. Fasakh adalah suatu bentuk pembubaran perkahwinan atas kuasa hakim disebabkan oleh sesuatu perkara yang diberikan keharusan oleh Hukum Syarak (Nur Fatin Nabilah & Afiqah Haris Liana, 2024). Fasakh dan talāq merupakan dua perkara yang berbeza yang mana fasakh adalah pembatalan akad daripada asalnya serta menghilangkan sifat halal keatas pernikahan tersebut manakala talāq pula ialah menamatkan akad tetapisifat halal masih kekal kecuali setelah talāq bā'in. Pembubaran perkahwinan melalui fasakh ada diperuntukkan di dalam Seksyen 53 EUUKIS 2003 dimana seksyen ini menjelaskan tentang alasan-alasan yang membolehkansesuatu pembubaran perkahwinan melalui fasakh ini dibuat. Pembubaran perkahwinan melalui fasakh ini tidak boleh sewenang-sewenangnya diperintahkan melainkan pihak-pihak telah memenuhi segalasyarat yang telah diperuntukkan itu. Penceraian jenis ini akan memberikan kesan tertentu antaranya adalah penceraian ini tidak boleh dirujuk melainkandengan akad dan mas kahwin yang baharu kerana talāq yang gugur bagi fasakh adalah bā'in ṣuḡhrā. Walau bagaimanapun pembubaran perkahwinan melalui fasakh ini tidak akan mengurangkan bilangan talāq di mana sekiranya pasangan tersebut berkahwin semula jumlah talāq masih lagi pada jumlah tigatalāq (Wan Abdul Fattah et.al., 2022).

Tebus Talaq

Penceraian tebus talaq atau khuluq ialah suatu penceraian yang diminta oleh isteri daripadanya suaminya dengan memberi wang atau harta benda lain kepada suaminya (Seksyen 49 EUUKIS, 2003). Misalnya, seorang isteri akan menebus dirinya dengan membayar sejumlah amaun yang dipersetujui serendah-rendah RM1 yang dibayar kepada suaminya supaya dirinya dibebaskan daripada perkahwinan tersebut. Mahkamah mempunyai budi bicara untuk meluluskan permohonan penceraian khuluk walaupun pihak suami tidak memberi persetujuan sekiranya mahkamah berpendapat bahawa suami isteri tersebut tidak dapat hidup bersama dengan damai dan selaras dengan kewajipan mereka.

Cerai Li'an

Penceraian ini berlaku apabila seorang suami menafikan anak yang dilahirkan oleh isterinya sebagai anaknya atau menuduh isterinya berzina dengan orang lain tanpa mengemukakan 4 orang saksi. Sumpah lian ini diangkat oleh suami sebanyak 4 kali atas nama Allah S.W.T bahawa isterinya telah melakukan zina dan bersiap sedia menerima laknat Allah S.W.T jika dia berbohong. Demikian juga dengan isteri, dia akan melakukan sumpah nukul (sumpah balik) sebanyak 4 kali bahawa dia tidak melakukan zina dan menerima laknat Allah S.W.T sekiranya sumpahan itu tidak benar. Kesan penceraian ini ialah, pihak-pihak dalam prosiding ini tidak boleh rujuk atau kahwin semula selama-lamanya (Seksyen 51 EUUKIS, 2003).

Penceraian Di Luar Mahkamah

Sekiranya pihak suami telah melafazkan cerai diluar mahkamah tanpa kebenaran mahkamah maka pihak isteri hendaklah segera memfailkan pengesahan lafaz cerai melalui Seksyen 57 EUUKIS 2003 untuk mengesahkan lafaz talaq tersebut sah atau tidak dibawah Hukum Syarak. Dalam Seksyen 125 EUUKIS (2003), Jika seseorang lelaki menceraikan isterinya dengan melafazkan talaq dengan apa-apa bentuk di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah itu maka dia adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua duanya denda dan penjara itu.

Penceraian Bagi Pasangan Bukan Islam

Bagi pasangan bukan Islam, penceraian terdiri daripada Penceraian dengan Persetujuan (Petisyen penceraian bersama) dan Penceraian Tanpa Persetujuan (Petisyen penceraian Tunggal atau unilateral).

Prosedur Penceraian di Malaysia

Penceraian untuk pasangan yang bukan beragama Islam hendaklah dilakukan mengikut peruntukan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 [Akta 164] dan hanya Mahkamah Tinggi yang mempunyai bidang kuasa untuk membenarkan penceraian dan dekri penceraian. Penceraian hanya boleh difailkan selepas tamat tempoh dua tahun dari tarikh perkahwinan melainkan jika terdapat permohonan kepada Hakim untuk membuat permohonan penceraian dalam tempoh tertentu atas alasan hal keadaan kesusahan yang terkecuali. Ini untuk memastikan perkahwinan itu tidak dilangsungkan secara gopoh atau mengadakan perkahwinan percubaan dan juga untuk menghalang pasangan melarikan diri daripada perkahwinan tanpa apa-apa percubaan untuk berdamai.

Terdapat dua jenis permohonan penceraian iaitu, 1) Permohonan penceraian bersama (Joint petition) dimana suami dan isteri bersama-sama ingin memfailkan penceraian, 2) Permohonan penceraian Kemudian, pasangan perlu mendapatkan sijil daripada tribunal perkahwinan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) berdekatan dengan tempat tinggal atau berdekatan dengan tempat tinggal terakhir pasangan yang memperakui bahawa ia telah gagal untuk mendamaikan kedua-dua belah pihak. Menurut Undang-Undang Perkahwinan Seksyen 51 Akta 164, jika salah satu pihak sama ada si suami atau isteri memeluk agama Islam, mana-mana pihak boleh memfailkan petisyen penceraian secara sendiri di bawah Seksyen 51 atau Seksyen 53 Akta 164 atau secara bersama di bawah Seksyen 52. Manakala sekiranya pembubaran perkahwinan dipersetujui, perkahwinan boleh dibubarkan di bawah Seksyen 52 Akta 164 namun setelah tamat dua tahun dari tarikh perkahwinan mereka.

Namun, mengikut Undang-Undang Perkahwinan dan Penceraian 1976, pasangan atau salah satu pihak boleh terkecuali daripada merujuk kes ke tribunal dengan alasan yang berikut:

- a) Salah satu pihak ditinggal langsung dan pihak satu lagi tidak dapat dikesan
- b) Salah satu pihak menetap di luar negara dan berkemungkinan tidak pulang ke Malaysia dalam tempoh enam bulan selepas tarikh permohonan penceraian difailkan
- c) Responden telah dipanggil ke hadapan tribunal pendamaian tetapi gagal atau enggan untuk berbuat demikian
- d) Responden dipenjarakan untuk suatu tempoh lima tahun atau lebih
- e) Salah satu pihak mendakwa pihak yang satu lagi mengalami sakit mental yang tidak dapat dirawat

- f) Mahkamah bersetuju dengan penceraian dan tiada keadaan yang luar biasa yang menyebabkan keperluan untuk merujuk kes ke tribunal pendamaian
- g) Salah satu pihak memeluk agama Islam
- h) Pihak-pihak telah memfailkan petisyen penceraian bersama

Terdapat beberapa dokumen yang diperlukan untuk memfailkan penceraian iaitu:

- a) Salinan sijil perkahwinan atau dokumen yang boleh membuktikan adanya perkahwinan
- b) Salinan sijil kelahiran anak hasil perkahwinan
- c) Sijil tribunal pendamaian
- d) Kad pengenalan
- e) Nama, Alamat, pekerjaan suami dan isteri
- f) Nama, Alamat, majikan suami dan isteri
- g) Laporan berkaitan seperti laporan perubatan, laporan polis, penyata gaji suami dan isteri, bukti berhubung dengan pertukaran alamat dan dokumen sokongan sekiranya ada

Intervensi Dari Pandangan Islam

Setiap pasangan yang berkahwin mengharapkan bahtera perkahwinan mereka kekal sehingga hujung nyawa. Penceraian merupakan cara penyelesaian terakhir dalam menghadapi krisis rumahtangga bagi pasangan yang tidak dapat mewujudkan pergaulan secara makruf dan setelah melalui beberapa proses perdamaian (Wan Abdul Fattah et.al., 2022). Islam telah menganjurkan beberapa kaedah bagi mencegah daripada berlakunya penceraian, iaitu;

Komunikasi

Membina komunikasi yang baik sesama suami isteri adalah dituntut di dalam Islam. Komunikasi yang baik terhadap isteri termasuk melayani dengan baik, lembut, bertolak ansur sama ada dalam hubungan fizikal atau mental. Ini bersesuaian dengan sifat semula jadi wanita yang lembut dan mudah terguris hatinya (Nur Fatin Nabilah & Afiqah Haris Liana, 2024), bersesuaian dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan, dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan bergaulah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu)” (Surah an-Nisa, 4: 19). Dalam hadis Rasulullah SAW bersabda dengan maksudnya; “Sebaik-baik daripada kalangan kamu ialah yang paling baik terhadap isterinya. Dan aku adalah yang terbaik terhadap isterinya” (Hadith riwayat Ibn Majah)

Tanggungjawab

Salah satu punca penceraian ialah kegagalan melunaskan tanggungjawab (Sudirman, 2018; Haszuraidah Isha & Kamarul Azmi Jasmi, 2022). Kebanyakan suami merasakan kerja rumah adalah tugas isteri sepenuhnya, manakala tanggungjawab suami pula adalah mencari nafkah, menyediakan tempat tinggal dan menyara keluarga. Walaupun isteri itu juga turut bekerja, terdapat segelintir suami yang enggan membantu melakukan tugas yang sinonim bagi golongan wanita tersebut. Ia dikhuatiri jatuh keegoan sebagai lelaki dan ini akan menjurus kepada pergaduhan antara suami dan isteri. Mencegah pergaduhan dan penceraian yang ditunjukkan

oleh Rasulullah SAW adalah dengan bertanggungjawab membantu isteri dan meringankan bebannya. Rasulullah SAW juga tidak keberatan membantu melakukan kerja rumah termasuk menjahit kain dan sepatunya sendiri (Sudirman, 2018).

Meraikan Pendapat

Meraikan pendapat pasangan juga boleh mewujudkan keharmonian dalam berumahtangga dan dapat mencegah daripada berlakunya. Hal ini telah ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW. Sebagai contoh, ketika Perjanjian Hudaibiah, sebahagian kaum muslimin menganggap perjanjian tersebut adalah berat sebelah kerana ianya menguntungkan orang kafir. Rasulullah SAW berjumpa Ummu Salamah RA untuk meminta pandangan beliau dan merai pandangan isteri Baginda (Wan Abdul Fattah et.al., 2022). Sifat Rasulullah SAW yang berbuat baik kepada isteri terdapat dalam hadis: Dari Abu Hurairah r.a: Rasulullah saw bersabda, “Seorang mukmin yang paling sempurna imannya adalah orang yang paling baik budi pekertinya, dan sebaik-baik kalian adalah yang paling baik pada isterinya” (Hadis Riwayat al-Tirmidhi).

Memberi Nafkah Zahir Dan Batin

Kewajiban suami memberi nafkah Zahir dan batin kepada isteri wajib bila bermulanya akad sah pernikahan antara suami dan isteri tanpa mengira keupayaan kewangan isteri (Nur Fatin Nabilah & Afiqah Haris Liana, 2024). Selain nafkah zahir seperti tempat tinggal dan makan minum, nafkah batin juga perlu diberikan perhatian seperti perhubungan seksual dan keperluan emosi seperti kasih sayang. Suami dan isteri harus berlaku adil antara satu sama lain. Komunikasi dengan baik serta layanan secara lemah lembut terhadap isteri, bertolak ansur sama ada dalam hubungan fizikal atau mental bersesuaian dengan sifat semula jadi wanita yang lembut dan mudah terguris hatinya. Perkara ini dinyatakan dalam hadis Nabi SAW yang bermaksud; “Pergaulilah kaum wanita itu dengan pergaulan yang lemah lembut, kerana sesungguhnya kaum wanita itu dijadikan dari tulang rusuk dan sesungguhnya tulang rusuk itulah yang se bengkok-bengkoknya ialah yang paling atas. Maka apabila engkau hendak meluruskannya, luruskannlah dengan perlahan dan apabila tidak diluruskan, ia sentiasa bengkok selama-lamanya. Oleh sebab itu pergaulilah wanita dengan pergaulan yang lemah lembut” (Hadis Riwayat al-Bukhari).

Memberi Nasihat

Perselisihan dan pertikaian dalam rumah tangga adalah asam garam dalam kehidupan berumahtangga. Malah hal ini juga pernah terjadi dalam kehidupan peribadi Rasulullah SAW sendiri (Ismail, 2003; Noor Syaibah et.al., 2016). Oleh sebab itu Islam memperingatkan kalau terjadi hal-hal seperti itu dari pihak perempuan, maka pihak lelaki perlulah pertama sekali menasihati isterinya itu. Firman Allah SWT dalam al-Quran, bermaksud: “...dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka. (Surah Al-Nisa’:34).

Pisah Ranjang

Sekiranya nasihat menunjukkan kegagalan dalam perselisihan antara pasangan suami dan isteri, Allah SWT menasihati para suami memisahkan diri daripada isteri mereka di tempat tidur. Firmah Allah SWT yang bermaksud: “Dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur” (al-Nisaa’: 34). Hal ini bermakna bahwa pisah (hijr) boleh dalam bentuk ucapan atau perbuatan. Hijr dengan ucapan artinya suami tidak memperhatikan atau memperdulikan perkataan isterinya serta tidak mengajaknya berbicara. Sedangkan hijr dengan perbuatan adalah bahwa suami berpisah tempat tidurnya dari isterinya atau sekedar tidak mengaulinya, atau memisahkan diri dari kamarnya.

Memukul

Memukul isteri dibenarkan sekiranya pihak suami telah mengambil langkah-langkah lain yang lebih berhemah namun, tidak dapat diikuti oleh pihak isteri. Firman Allah SWT, bermaksud: "...dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). (al-Nisaa':34) Walau bagaimanapun kebenaran memukul dalam ayat berkenaan telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW sebagai terikat dengan syarat tidak menyakitkan.

Melantik Orang Tengah

Melantik orang Tengah adalah alternatif bagi suami dan isteri menyelesaikan permasalahan mereka. Penyelesaian dengan bantuan orang tengah biasanya melibatkan krisis yang telah berlanjutan dan telah sampai ke tahap suami dan isteri tidak dapat mengawal perasaan masing-masing. Sekiranya krisis sudah sampai ke tahap ini, maka aduan boleh dibuat ke mahkamah. Pihak mahkamah akan melantik wakil untuk berbincang tentang cara terbaik bagi menyelesaikan krisis rumah tangga. Namun, orang tengah perlu dipilih daripada mereka yang boleh dipercayai. Orang tengah biasanya dilantik dalam kalangan saudara mara terdekat di sebelah pihak suami dan juga pihak isteri. Walau bagaimanapun, tidak menjadi satu kesalahan sekiranya saudara mara yang dilantik itu merupakan saudara mara yang berjauhan asalkan mereka berniat mendamaikan keadaan dan menyelamatkan rumah tangga daripada. Elemen orang tengah ini dipraktikkan di setiap negeri dalam Malaysia iaitu dengan mewujudkan unit khidmat nasihat yang terlatih. Unit ini diwujudkan bagi membantu pasangan yang bermasalah dalam rumah tangga dengan memberi khidmat kaunseling. Terdapat beberapa buah negeri yang membuat tiga seksyen dalam Unit Khidmat Nasihat ini iaitu seksyen runding cara keluarga, seksyen kedua iaitu seksyen pengurusan nikah sindiket luar negara demi mencegah penceraian (Noor Syaibah et.al., 2016; Wan Abdul Fattah et.al., 2022).

Intervensi dan Bimbingan Lain

Program Kaunseling Pra dan Pasca Perkahwinan

Program kaunseling perkahwinan bertujuan membantu pasangan untuk mengambil tanggungjawab terhadap masalah yang timbul daripada diri sendiri, menerima kesilapan yang dilakukan oleh pasangan, serta meningkatkan motivasi untuk memperbaiki kualiti rumah tangga mereka. Sementara itu, kaunseling pra-perkahwinan memberikan peluang kepada pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga untuk memperkukuh hubungan mereka dan bersedia ke arah perkahwinan yang bahagia. Program ini akan merangkumi pelbagai topik penting seperti kemahiran komunikasi, keibubapaan dan penjagaan anak, peranan dalam rumah tangga, serta pengurusan kewangan (Stahmann, 2000). Program kaunseling untuk fasa pra dan pasca perkahwinan adalah berkesan bagi pasangan yang telah berkahwin, yang ingin memperbaiki kualiti rumah tangga mereka, terutamanya apabila wujud permasalahan. Program ini juga sesuai bagi pasangan yang menghadapi isu membuat keputusan bersama, masalah curang, masalah ketagihan, keganasan rumah tangga, atau bagi mereka yang ingin memperkukuh dan menambah keharmonian hubungan suami isteri. Bagi pasangan yang belum berkahwin, program kaunseling pra-perkahwinan memberikan manfaat dengan menjelaskan aspek-aspek yang boleh dijangkakan dalam kehidupan berumah tangga. Pengulas literatur terapi perkahwinan bersetuju bahawa terapi perkahwinan berkesan dalam mengurangkan konflik dan meningkatkan kepuasan perkahwinan, sekurang-kurangnya dalam jangka pendek (Baucom & Hoffman, 1986; Bradbury & Fincham, 1990; Dunn & Schwebel, 1995).

Bimbingan Rumah Tangga

Bimbingan rumah tangga adalah khidmat nasihat yang akan diberikan kepada individu atau pasangan yang ingin mendapatkan khidmat nasihat kekeluargaan sama ada secara online atau bersemuka. Sebagai contoh, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) ada menyediakan bantuan dan bimbingan kepada masyarakat dalam hal-hal berkaitan rumah tangga dan kekeluargaan yang melibatkan isu-isu seperti pernikahan, penceraian, rujuk dan lain-lain krisis rumah tangga. Selain itu, Keluarga, Sosial dan Komuniti (KSK) CARE Center menyediakan perkhidmatan kaunseling syarie, psikospiritual Islam dan Ilaj Syarie. Kaunseling syarie ialah satu kaedah bimbingan dari aspek fizikal, Rohani dan spiritual oleh Kaunselor Syarie. Kaedah yang digunakan akan berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah untuk membantu dalam menyelesaikan masalah, memahami diri dan matlamat hidup ke arah mencapai keredhaan Allah.

Pusat Kaunseling Keluarga

Kaunseling keluarga ialah satu teknik psiko terapeutik di mana ahli-ahli keluarga akan dibantu untuk memperbaiki hubungan antara satu sama lain. Semua ahli keluarga akan terlibat dalam kaunseling – perubahan yang berlaku akan menyebabkan perkembangan dan pertumbuhan ahli keluarga secara sihat. Semasa proses kaunseling keluarga berjalan, ahli-ahli keluarga yang berhadapan dengan konflik atau isu akan dibantu untuk menyelesaikan konflik tersebut secara produktif. Goldenberg dan Goldenberg (2002) menyatakan bahawa selain daripada menggalakkan pertumbuhan keluarga secara sihat, kaunseling keluarga juga berfungsi untuk memperbaiki gaya komunikasi supaya dapat membantu dalam memperbaiki kekuatan dalam keluarga dan membolehkan penerokaan terhadap isu dari pelbagai perspektif. Kajian lepas yang dijalankan oleh Vivek dan rakan penyelidik pada tahun 2020, pula menunjukkan bahawa kaunseling keluarga dapat membantu menangani kesukaran berkomunikasi dalam keluarga, konflik antara adik-beradik, gaya keibubapaan yang tidak konsisten dan isu menyesuaikan diri dengan krisis yang berlaku dalam keluarga.

Sokongan Keluarga Dan Lain-Lain

Sokongan keluarga, khususnya daripada keluarga mentua, memainkan peranan yang sangat penting dalam mengurangkan tekanan, meningkatkan daya ketahanan emosi, serta menjadi salah satu sumber ketenangan bagi pasangan, terutamanya ketika berhadapan dengan situasi yang mencabar. Sokongan sebegini merangkumi pemberian nasihat, empati, dan rasa kebersamaan, iaitu perasaan bahawa kesusahan dapat dikongsi bersama atau adanya seseorang yang boleh diharapkan. Elemen-elemen ini secara tidak langsung membantu mengukuhkan kestabilan sesebuah perkahwinan (Roman et al., 2025). Selain itu, kajian mendapati bahawa hubungan rapat antara suami dan keluarga mentua dapat mengurangkan kadar penceraian tanpa mengira kaum. Bagi isteri pula, hubungan rapat dengan keluarga mentua sebelah suami berupaya menurunkan kadar penceraian, namun dapatan ini hanya dapat diaplikasikan dalam kalangan keluarga berkulit hitam sahaja (Orbuch et al., 2016). Di samping itu, penceraian juga kerap berpunca daripada konflik kewangan. Namun, bagi keluarga yang memiliki tunjang sokongan yang kukuh serta dinamika hubungan yang sihat, mereka lebih berupaya mengekalkan kestabilan rumah tangga dan meningkatkan kualiti perkahwinan walaupun berdepan dengan cabaran kewangan (Ross et al., 2019).

Kesimpulan

Penceraian dalam Islam merupakan satu bentuk penyelesaian terakhir yang dibenarkan syarak apabila ikatan perkahwinan tidak lagi dapat dipertahankan. Walaupun perkahwinan dianggap sebagai satu ikatan suci dan ibadah yang mendekatkan manusia kepada Allah SWT, Islam tetap memberi ruang kepada pembubaran perkahwinan secara berhemah jika keharmonian rumah

tangga tidak lagi wujud. Bagi mengelakkan penceraian, hubungan yang baik, bertolak ansur dan saling hormat menghormati perlulah di amalkan dalam sesebuah rumahtangga agar konflik dapat dielakkan. Jelaslah bahawa penceraian bukanlah matlamat dalam perkahwinan, namun Islam memandangnya sebagai satu bentuk rahmat apabila segala usaha memperbaiki hubungan gagal. Maka, setiap pasangan perlu berusaha menghayati prinsip-prinsip Islam dalam kehidupan berumah tangga agar keharmonian dan kebahagiaan dapat dikekalkan sepanjang hayat.

Penghargaan

Penyelidikan ini telah menerima tajaan dan sokongan daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di bawah geran penyelidikan GPLPPKN430 (R504-KR-GAL006-0000001807-L123). Penghargaan juga diberikan kepada Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PIIP) Universiti Sains Malaysia (USM).

Rujukan

- Ahmed, T., Lodhi, S. H., Haigh, P. J., & Sorrell, V. L. (2024). The many faces of takotsubo syndrome: A review. *Current Problems in Cardiology*, 49(3), 102421.
- al-Sharbīnī, Shams al-Dīn Muḥammad Ibn Muḥammad al-Khāṭib (1958). *Mughnī al-Muḥtāj ilā Maʿrifātī Maʿānī Alfāz al-Minhāj*. Miṣr: Maṭbaʿah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī.
- al-Sharbīnī, Shams al-Dīn Muḥammad Ibn Muḥammad al-Khāṭib (2009). *Mughnī al-Muḥtāj ilā Maʿrifātī Maʿānī Alfāz al-Minhāj*. Bayrūt: Dār Kutub al-ʿIlmiyyah
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1985). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Vol.7. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Amato, P. R., & Sobolewski, J. M. (2001). The effects of divorce and marital discord on adult children's psychological well-being. *American sociological review*, 66(6), 900-921.
- Anderson, J. (2014). The impact of family structure on the health of children: Effects of divorce. *The Linacre Quarterly*, 81(4), 378-387.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2012). *Qualitative research for education: An introduction to theories and methods* (6th ed.). Pearson.
- Chandra, A., Anjum, R., Waters, S., Proitsi, P., Smith, L. J., Marshall, C. R., & Alzheimer's Disease Neuroimaging Initiative (2024). Marital dissolution and cognition: The mediating effect of Aβ neuropathology. *Alzheimer's & dementia* (Amsterdam, Netherlands), 16(4), e70032. doi:10.1002/dad2.70032.
- D'Onofrio, B., & Emery, R. (2019). Parental divorce or separation and children's mental health. *World Psychiatry*, 18(1), 100.
- Fagan, P. F., & Rector, R. (2000). The effects of divorce on America. *World and I*, 15(10), 56-61.
- Field, T. (2023). Romantic breakup distress: a narrative review. *Journal of Psychology & Clinical Psychiatry*, 14(6), 196-200.
- Ford, K. J., & Burns, R. J. (2024). Associations Between Divorce Histories and Unhealthy Alcohol Use Among Middle Aged and Older Adults. *Substance Use & Misuse*, 59(13), 1999-2007.
- Hanes, D. W., & Clouston, S. A. (2024). Cognitive decline after divorce and widowhood: is marital loss always a loss?. *Innovation in Aging*, 8(5).
- Haszuraidah Isha & Kamarul Azmi Jasmi. (2022). Penceraian Pasangan Islam di Malaysia. Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan (SFST), 4(2) 2022, p. 335-340. Webinar: <https://utm.webex.com/meet/amdean>, 14 Jun 2022, anjuran Akademi Tamadun Islam (ATI), Fakulti Sains Sosial dan Ketamadunan (FSSK), Universiti Teknologi Malaysia (UTM). eISSN: 2805 556X.

- Ismail, P. H. (2003). *Kekeluargaan Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah*. Penerbit Universiti Malaya.
- Jacquet, S. E., & Surra, C. A. (2001). Parental divorce and premarital couples: Commitment and other relationship characteristics. *Journal of Marriage and Family*, 63(3), 627-638.
- Kanemasa, Y., Miyagawa, Y., & Arai, T. (2024). Attachment anxiety and the dark triad increase stalking after breakups of romantic relationships through psychological maltreatment of romantic partners and reactions to breakups. *Aggressive behavior*, 50(1), e22133
- Laumann-Billings, L., & Emery, R. E. (2000). Distress among young adults from divorced families. *Journal of family psychology*, 14(4), 671.
- Leopold, T., & Kalmijn, M. (2024). Reassessing Chronic Strain: A Research Note on Women's Income Dynamics After Divorce and Separation. *Demography*, 61(3), 597-613.
- Muhammad Ali (2020). *Fiqh Munakahat*. Lampung: Laduny Alifatama.
- Muhammad Amīn Ibn ‘Ābidīn. (1966). *Hāshiyat Radd Al-Muhtār*. Miṣr: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī.
- Nielsen, N. M., Hansen, A. V., Simonsen, J., & Hviid, A. (2012). Stressful life events in childhood and risk of infectious disease hospitalization. *European journal of pediatrics*, 171(1), 173-179.
- Noor Salwani Binti Hussin. (2015). *Perkahwinan Tanpa Kebenaran: Kajian Terhadap Kes-Kes Di Mahkamah Syariah Negeri Perlis Dari Tahun 2006 Hingga 2010*. (Unpublished dissertation). Sintok; UUM.
- Noor Syaibah Shabuddin, Norazilah Johari, Norhasima Abdullah dan Syazwana Aziz. (2016). Penceraian Dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan Di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL): Eksplorasi Faktor. *Jurnal Sains Sosial*. 1. 36-52
- Nur Fatin Nabilah & Afiqah Haris Liana Ab Latif. (2024). Analisis Faktor Penceraian dalam Kalangan Pasangan Belia di Seberang Perai Utara Menurut Undang-Undang Kekeluargaan Islam. *ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities*. 8 (1). e-ISSN 2600-7274 <https://ejssh.uitm.edu.my>
- Pellón-Elexpuru, I., Van Dijk, R., Van der Valk, I., Martínez-Pampliega, A., Molleda, A., & Cormenzana, S. (2024). Divorce and physical health: A three-level meta-analysis. *Social science & medicine*, 352, 117005.
- Richards, M., Hardy, R., & Wadsworth, M. (1997). The effects of divorce and separation on mental health in a national UK birth cohort. *Psychological medicine*, 27(5), 1121–1128. doi:10.1017/s003329179700559x
- Riggio, H. R. (2001). Relations between parental divorce and the quality of adult sibling relationships. *Journal of Divorce & Remarriage*, 36(1-2), 67-82.
- Ross, D. B., Gale, J., Wickrama, K. K. A. S., Goetz, J., & Vowels, M. (2019). The Impact of Family Economic Strain on Work-Family Conflict, Marital Support, Marital Quality, and Marital Stability During the Middle Years. *Journal of personal finance*, 18(2), 9–24.
- Sander, S., Strizzi, J. M., Øverup, C. S., Cipric, A., & Hald, G. M. (2020). When love hurts—mental and physical health among recently divorced danes. *Frontiers in Psychology*, 11, 578083.
- Sheftel, M. G., Margolis, R., & Verdery, A. M. (2024). Loneliness trajectories and chronic loneliness around the world. *The Journals of Gerontology, Series B: Psychological Sciences and Social Sciences*, 79(8).
- Solihah Mansor & Mohd Norhusairi Mat Hussin. (2023). Penceraian Bagi Perkahwinan Yang Berusia Kurang Dari Tempoh Satu Tahun Di Mahkamah Rendah Syariah Petaling. *Journal of Shariah Law Research*. 8 (1) 33-70

- Stahmann, R. F. (2000). Premarital counselling: A focus for family therapy. *Journal of Family Therapy*, 22(1), 104-116.
- Sudirman (2018). Pisah Demi Sakinah. Surabaya: Penerbit Buku Pustaka Radja.
- Tran, K., Castiglioni, L., Walper, S., & Lux, U. (2024). Resolving relationship dissolution—What predicts emotional adjustment after breakup? *Family Process*, 63(3), 1157-1170.
- Valladares-Garrido, D., Zila-Velasque, J. P., Santander-Hernández, F. M., Guevara-Morales, M. A., Morocho-Alburqueque, N., Failoc-Rojas, V. E., ... & Valladares-Garrido, M. J. (2024). Association between love breakup and suicidal ideation in Peruvian medical students: a cross-sectional study during the COVID-19 pandemic. *Frontiers in psychiatry*, 14, 1287036.
- Van Dijk, R., Mastrotheodoros, S., van der Valk, I. E., Branje, S., & Deković, M. (2025). Daily and Half-yearly Associations between Boundary Diffusion and Parent-adolescent Relationship Quality after Divorce. *Journal of Youth and Adolescence*, 54(2), 383-399.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail Noorul Madiah Syed Husin, Ahmad Syukran Baharuddin, Lukman Abdul Mutalib, Zulfaqar Mamat & Mohamad Aniq Aiman Alias. (2022). Konsep Perkahwinan Menurut Perspektif Fiqh Dan Undang-Undang Islam Di Malaysia. The 8th International Prophetic Conference (SWAN 2022).